

615:
MAHATHIR

1975

JITRA, 1 FEB. (BERNAMA) -- KERAJAAN MEMBELANJAKAN \$1 JUTA SETIAP TAHUN UNTUK MEMBIAYAI PARA PELAJAR YANG TINGGAL DI ASRAMA-ASRAMA PENUH, DEMIKIAN KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

PARA PELAJAR ITU DIPILIH KHAS SUPAYA MEREKA DAPAT MENIKMATI SEGALA KEMUDAHAN PERSEKOLAHAN YANG LENGKAP DAN MENUMPUKAN SEPENUH MASA KEPADA PELAJAR, KATANYA DALAM MAJLIS DIALOG DENGAN KIRA-KIRA 500 ORANG PENDUDUK KAMPUNG RAJA, MUKIM FERING, 14 BATU DARI SINI.

BAGAIMANAPUN, ADA DIANTARA PELAJAR ITU YANG TELAH DIPENGARUHI OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU DAN MEREKA MELANCARKAN MOGOK KERANA PERKARA-PERKARA KECIL, TEGASNYA.

DR. MAHATHIR MENGGESA RAKYAT JANGAN MENDENGAR SEGALA HASUTAN ORANG-ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG SEMATA-MATA BERTUJUAN MENIMBULKAN HURUHARA DI NEGARA INI.
-- BERSAMBUNG 2002/ZCM

616:
MAHATHIR 2 JITRA

TEGASNYA, ORANG-ORANG YANG SUKA MEMBANGKITKAN HURUHARA TIDAK AKAN MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT KERANA PENDUDUK DI NEGARA INI INGIN HIDUP DALAM SUASANA AMAN DAMAI.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN, SEBUAH MAJLIS PENASIHAT UGAMA TELAH DIBENTUK DI KEMENTERIANNYA UNTUK MENASIHATKAN JAWATANKUASA TENTANG PERLAKSANAAN PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH.

KATANYA, MAJLIS TERSEBUT DIANGGOTA OLEH ORANG-ORANG YANG CEKAP DAN MAHIR DI BIDANG PENDIDIKAN UGAMA DAN PENTADBIRAN.

BELIAU MENGGESA ORANG-ORANG MENGENGEMUKAKAN MEMORANDAM MEREKA KEPADA JAWATANKUASA ITU UNTUK DIPERTIMBANGKAN. -- BERNAMA
2004/ZCM